

25 JAN 2000

MALAYSIA-SG SECURITIES/I

SG SECURITIES: M'SIA SEKALI LAGI HADAPI DILEMA WANG PANAS

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 25 Jan (Bernama) -- Malaysia sekali lagi akan menghadapi dilema pengaliran wang panas seperti yang dialami pada tahun 1993 dan 1994 apabila dana kembali ke negara ini, kata Neil Saker, ketua penyelidikan ekonomi serantau SG Securities.

Walaupun dana-dana asing dialu-alukan dalam beberapa tahun akan datang ini, tetapi ia mungkin menimbulkan tekanan inflasi dan keadaan terlalu panas dalam pasaran saham dan harta, katanya.

Dan ini akan menyebabkan kenaikan nilai ringgit dan menjejaskan daya saingan eksport Malaysia, tegas beliau.

Saker berkata antara 1991 dan 1994, Malaysia menarik aliran masuk dana dengan modal swasta bersih berjumlah RM14 bilion pada tahun 1993, kebanyakannya ke dalam bursa saham yang teguh, berbanding hanya RM5 bilion pada tahun 1991.

Bagaimanapun, beliau tidak menjangkakan tanda-tanda keadaan terlalu panas dalam jangka terdekat, memandangkan usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk mengekalkan kawalan harga makanan dan sasaran inflasi sifarnya semasa ekonomi melambung.

"Banyak wang yang akan masuk. Pelabur-pelabur asing gemarkan Malaysia kerana pelaburan di negara ini masih amat murah. Ringgit dinilai kira-kira 30 peratus lebih rendah," katanya pada satu majlis taklimat suku tahunan SG di sini hari ini.

Beliau juga berkata pelabur-pelabur asing gemarkan pertumbuhan tinggi dan Malaysia amat menarik, terutama memandangkan ia akan dimasukkan semula ke dalam Indeks MSCI menjelang Mei ini," katanya.

Saker juga menjangka penetapan ringgit akan disemak menjelang akhir 2001 atau awal 2002. Ringgit ditetapkan pada RM3.80 berbanding dolar AS pada bulan September 1998 apabila Malaysia mengenakan kawalan modal berpilih untuk melindungi ekonominya daripada penyangak spekulasi.

Walaupun penetapan ini terus menjadi rangsangan bagi eksport Malaysia, Saker mengingatkan tentang kerumitan yang mungkin timbul dalam jangka panjang, sambil menegaskan bahawa syarikat-syarikat mungkin lebih cenderung bersikap malas dan leka dalam menaikkan taraf operasi mereka.

Katanya pelaburan langsung asing (FDI) juga perlu meningkat selepas merosot tahun lalu.

Ditanya sama ada kebuntuan Clob antara Malaysia dan Singapura akan menjadi isu bagi pelaburan asing, beliau berkata melihat mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dengan pelabur-pelabur asing di London dan New York, masalah Clob pada umumnya dianggap sebagai masalah dua hala.

Dana Malaysia bernilai RM17 bilion yang dahulunya diniagakan di pasaran Central Limit Order Book (Clob) Singapura masih dibekukan setelah Singapura menghentikan urusan niaga pasaran tersebut apabila kawalan modal Malaysia diperkenalkan.

SG Securities, yang meramalkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia akan meningkat kepada 6.8 peratus tahun ini, menjangka Indeks Komposit Kuala Lumpur akan mengukuh pada tahap antara 950 dan 1,000 dalam suku pertama manakala sasaran pada akhir tahun ialah 1,100.

Ia menganggarkan pengaliran masuk sekurang-kurangnya RM5 bilion atau kira-kira 0.8 peratus unjuran purata permodalan pasaran bagi tahun ini.

Saker juga menyifatkan kawalan modal Malaysia sebagai "salah nama" kerana ia tidak lagi wujud bagi bukan pemastautin tetapi hanya bagi rakyat tempatan yang masih tertakluk kepada had jumlah wang yang hendak dibawa

keluar dari negara.

"Ramai rakyat asing masih beranggapan bahawa kawalan modal wujud tetapi bagi bukan pemastautin, tidak ada lagi kawalan modal," katanya.

Malaysia telahpun menggantikan kawalan ke atas pelaburan portfolio dengan cukai keluar.

Saker juga berkata pemilihan UMNO akan datang akan juga diperhatikan dengan teliti kerana ia dilihat sebagai proksi bagi perubahan kepimpinan negara selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

TCL KY MA